

Sistem vendor, payung akan diubahsuai

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Kerajaan melalui anak syarikat miliknya akan menggubahsuai sistem vendor dan payung bagi menggiatkan lagi usaha ke arah mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang masih belum selesai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, dasar yang telah melahirkan ramai usahawan dan tokoh korporat sebelum ini bagaimana pun terjejas berikutan krisis kewangan.

“Kerajaan juga tidak lupa janji-janji DEB yang dilancarkan pada 1971, antaranya mewujudkan masyarakat komersial dan industri bumiputera atau BCIC bagi memberi peluang kepada bumiputera untuk berjaya sebagai usahawan,” katanya ketika membentangkan

Bajet 2004 di Dewan Rakyat hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, negara perlu menentang agenda barat yang menggunakan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) untuk menegakkan agenda penjajahan ekonomi mereka.

Tambah beliau, sekiranya agenda itu tidak ditentang maka usaha kerajaan untuk melaksanakan dasar pembangunan nasional yang mengambiki kepentingan penguasa tempatan, termasuk bumiputera serta matlamat untuk menggiatkan industri tempatan tidak akan tercapai.

“Dalam hal ini, kita menentang sekeras-kerasnya agende pembukaan pasaran yang berkaitan dengan isu perolehar kerajaan yang sedang dibincangkan di Forum WTO di Cancun,” ujarnya.